

# Perlu belajar daripada kesilapan

SttCuantan) Selasa 8/7/08 PG: PG.

Remaja perlu bijak mengatur kehidupan dan jadikan kegagalan lalu sebagai pendorong untuk meneruskan kemajuan diri.

■ MOHD RIDZUAN ABU HASSAN

**KUANTAN** - Generasi muda di saran membentuk sahsiah diri dengan menjadikan sebarang kesilapan lalu sama ada secara sadar atau tidak sengaja sebagai sempadan dalam kehidupan bagi menempuh dugaan akan datang.

Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP), Prof. Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata generasi ini juga perlu melakukan transformasi minda dan diri melalui amalan budaya kecemerlangan dalam membentuk disiplin yang tinggi kerana itu merupakan kunci kejayaan.

"Perjalanan kita tidak akan sentiasa lurus dan menentu kerana pasti ada cabaran dan dugaan, maka hanya melalui kombinasi ilmu pengetahuan, kemahiran dan sikap sahaja dapat merealisasikan cita-cita seseorang itu," katanya ketika menyampaikan amanat sempena Minggu Induksi Siswa 2008 bertempat di Astaka UMP, baru-baru ini.

Menurutnya, dalam tempoh tiga hingga empat tahun yang akan datang adalah merupakan detik mencabar buat semua generasi muda yang bergelar penuntut kerana berada di ambang masa depan.

Generasi pelapis negara ini juga harus bijak mengatur kehidupan berikutan kebanyakan mereka yang tamat dari universiti tidak dilatih berfikir mengenai persoalan penting tentang realiti kehidupan.

Daing Nasir berkata, mereka akan menerima status quo

dalam masyarakat, politik dan sekularisme tanpa berfikir secara serius ekoran adanya pemecahan dan penyempitan ilmu di kalangan generasi muda itu sendiri.

"Sikap adalah segala-galanya kerana kehendak dan dorongan yang cukup kuat dapat mengatasi sebarang halangan yang bakal dihadapi dengan jayanya," katanya.

Beliau turut mengingatkan supaya generasi muda mengenang sudah-payah dan pengorbanan keluarga dalam merealisasikan harapan mereka untuk melihat anak-anak mereka berjaya di dunia dan akhirat.

Keyakinan dalam setiap perkara amat penting agar masa pengajian dimanfaatkan sebaik-baiknya kerana masa tidak mungkin akan berulang kembali jika disia-siakan begitu sahaja.

Beliau berharap penuntut



Dr Daing Nasir menerima penyerahan bacaan ikrar oleh wakil pelajar, baru-baru ini.

yang melafazkan ikrar pada majlis tersebut dapat menunaikan tanggungjawab yang dipikul dengan penuh amanah dan bijaksana dengan bertunjangkan integriti dan akauntabiliti.

Siapa  
08-07-08  
2-8